



JABATAN PERDANA MENTERI

Aras -1, Setia Perdana 8,
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 Faks : 03-8888 3106
Laman web : www.jpm.gov.my

KENYATAAN MEDIA

JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdl)

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 14 April 2020, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Mac 2020, telah memutuskan beberapa inisiatif utama bagi membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung rakyat melalui waktu sukar ini. Bagi Jabatan Insolvency, antara inisiatif yang diberikan adalah seperti berikut:

(1) PENGELUARAN i-LESTARI BAGI PENCARUM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Menerusi kemudahan ini, semua ahli KWSP yang berumur bawah 55 tahun boleh membuat pengeluaran wang simpanan dalam Akaun 2 masing-masing tertakluk kepada kadar maksimum RM500 sebulan untuk tempoh selama 12 bulan. Permohonan boleh dibuat bermula 1 April 2020.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) telah memutuskan untuk melaksanakan inisiatif selari dengan keputusan Kerajaan iaitu untuk **membenarkan pengeluaran wang caruman KWSP oleh bankrap berumur bawah 55 tahun tertakluk kepada kadar maksimum RM500 sebulan untuk tempoh selama 12 bulan**. Permohonan pengeluaran wang caruman tersebut hendaklah dibuat secara terus kepada KWSP.

(2) PENANGGUHAN BAYARAN ANSURAN BULANAN OLEH BANKRAP

Bagi menyokong langkah Kerajaan dan mengambil kira kesulitan yang dihadapi rakyat termasuklah bankrap, Mdl telah memutuskan untuk memberikan penangguhan bayaran ansuran bulanan di bawah Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] bagi tempoh ENAM (6) bulan bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020. Bagi bankrap yang tidak berhasrat untuk mengambil inisiatif ini, bolehlah membuat permohonan untuk meneruskan pembayaran di Cawangan Mdl yang mentadbir kes kebangkrapan berkenaan.

(3) PERJANJIAN JUAL BELI BAGI PEMBELIAN ASET INDIVIDU BANKRAP YANG DITADBIR OLEH KETUA PENGARAH INSOLVENSII/PEGAWAI PENERIMA DAN PENYELESAI

Dimaklumkan, mana-mana pihak yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berkuatkuasa sehingga 14 April 2020, dan telah menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) / Pegawai Penerima dan penyelesaian (PPp) bagi pembelian mana-mana aset individu bankrap yang ditadbir oleh KPI / PPp bagi pembelian aset syarikat yang digulungkan, mereka bolehlah memohon untuk penangguhan sehingga enam (6) bulan untuk dipertimbangkan oleh KPI / PPp.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh disalurkan melalui talian hotline 03 - 8885 1065, 03 - 8885 1928 dan 03 - 8885 1313.

Laman web : www.mdi.gov.my
E-mel : pkp@mdi.gov.my
Facebook : www.facebook.com/insolvensi

Disediakan oleh:

BAHAGIAN DASAR, PERUNDANGAN DAN KOMUNIKASI STRATEGIK

JABATAN INSOLVENSII MALAYSIA (Mdl)

PUTRAJAYA

1 APRIL 2020